

## SYARAT-SYARAT LESEN UNTUK MENGILANG RACUN MAKHLUK PEROSAK

### SYARAT-SYARAT

1. Lesen ini hendaklah dipamer dengan jelas.
2. Pemegang lesen telah mematuhi undang-undang yang berkaitan yang dikuatkuasakan oleh Jabatan/Agensi lain Kerajaan.
3. Pemegang lesen hendaklah menyedia dan menyelenggara pakaian pelindung diri (PPE) dan kelengkapan yang sesuai dan mencukupi untuk dipakai oleh pekerja dalam pengilangan racun makhluk perosak.
4. Mengadakan kemudahan yang sesuai bagi membasuh pakaian pelindung diri (PPE) dan kelengkapan.
5. Pemegang lesen hendaklah menyediakan alat pertolongan kecemasan yang mencukupi kepada pekerja.
6. Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa menyimpan racun makhluk perosak yang belum dikilang atau telah dikilangkan di suatu tempat yang telah diluluskan mengikut pelan lamar (Borang LRMP-K2) oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa. Sebarang perubahan susun surut hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Yang Diberi Kuasa.
7. Pemegang lesen hendaklah menyediakan kepada semua pekerja yang terlibat dalam pengilangan racun makhluk perosak pemeriksaan perubatan sekurang kurangnya sekali setahun, rekod pemeriksaan sedemikian hendaklah disimpan untuk lima (5) tahun dan hendaklah disediakan bagi pemeriksaan oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa apabila diperlukan.
8. Produk yang dikilangkan untuk tujuan kegunaan tempatan mestilah mempunyai sijil pendaftaran produk racun makhluk perosak yang masih sah tempoh.
9. Bahagian Teknikal Untuk Tujuan Pengilangan (TGAI) racun makhluk perosak mestilah berdaftar di Malaysia.
10. Mempunyai Risalah Data Keselamatan (SDS) bagi setiap jenis produk racun makhluk perosak yang dikilangkan.
11. Pemegang lesen hendaklah menyediakan kemudahan asas rawatan tumpahan racun makhluk perosak yang sesuai.
12. Pemegang lesen hendaklah membendung dan membersihkan serta-merta apa-apa tumpahan racun makhluk perosak untuk mengelakkan pencemaran tanah, air permukaan atau air bawah tanah.
13. Pemegang lesen perlu memastikan apa-apa tumpahan, air larian permukaan atau bahan pencemar disalurkan kepada sistem perangkap sisa racun yang diluluskan.
14. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan papan tanda berikut :
  - a. "AWAS! STOR RACUN MAKHLUK PEROSAK - DILARANG MAKAN, MINUM DAN MEROKOK"



**AWAS! STOR RACUN MAKHLUK  
PEROSAK  
DILARANG MAKAN, MINUM DAN  
MEROKOK**

- b. "AWAS! BERBAHAYA! RACUN MAKHLUK PEROSAK"



**AWAS! BERBAHAYA!  
RACUN MAKHLUK  
PEROSAK**

- c. Spesifikasi Papan Tanda :
  - i. Berukuran minimum 50cm panjang x 20.3cm lebar bagi papantanda (a); 50.8cm x 10.2cm bagi papantanda (b) dan 50.8cm x 20.3cm bagi papantanda (c).
  - ii. Saiz ukuran blok huruf adalah minimum 3cm
  - iii. Saiz ukuran minimum pictogram tengkorak dengan tulang bersilang 7.6cm x 6.4cm
  - iv. Ditaip dengan huruf besar dan menggunakan font berwarna merah
  - v. Menggunakan jenis font yang mudah dibaca seperti Arial dan Times New Roman
15. Latihan keselamatan racun makhluk perosak kepada pekerja hendaklah dijalankan sekurang-kurang sekali setahun dan direkod.
16. Menyimpan dan menyelenggara rekod pengilangan racun makhluk perosak tidak kurang daripada lima (5) tahun.
17. Menyimpan rekod kebenaran untuk mengilang bagi pihak pendaftrar racun makhluk perosak tidak kurang daripada lima (5) tahun.
18. Mengemukakan maklumat berkaitan racun makhluk perosak yang dikilangkan.
19. Pemegang Lesen hendaklah memaklumkan kepada Lembaga Racun Makhluk Perosak berkenaan dengan apa-apa perubahan berhubung dengan penyimpanan dan pemilikan racun makhluk perosak dalam tempoh lima (5) hari daripada tarikh berlakunya perubahan.
20. Syarat-syarat lain yang difikirkan sesuai oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak